



**PERUTUSAN KHAS**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HJ. SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**

---

**PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI**  
**MELAKAKU MAJU JAYA 2021: SEJAHTERA BERSAMA**  
**18 JUN 2021, JUMAAT, 9.30 PAGI**

BismillahirRahmanirRahim,

Alhamdulillah Rabbil A'lam, Wassolatuwassalamu A'la Asyrafil  
Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi Ajmain, Amma Ba'du,

Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li Saidina  
Muhammad,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,  
Menggamit Dunia,

Tuan-tuan dan puan-puan, Rakyat Melaka yang dikasihi sekalian,

Apa kabau orang Melaka? Saya doakan kita semua sihat dan dirahmati Allah.

1. Seperti semua tahu bahawa, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan dua kali, Perintah Kawalan Pergerakan yang lebih ketat (*total lockdown*) atau PKP 3.0, bermula dari 1 hingga 14 Jun dan 15 hingga 28 Jun 2021 ini.
2. Melalui PKP 3.0 tersebut, tentunya memberi kesan kepada kelangsungan hidup seharian, khususnya bagi rakyat di Negeri Melaka.
3. Pastinya, **Kerajaan Melaka mendengar keluhan rakyat. Kami faham rintihan dan merasai keperitan apa yang anda sedang lalui sekarang. Saya juga amat prihatin dengan nasib yang menimpa anda. Komitmen kami, InsyaAllah, *I will serve my best to help rakyat Melaka!***
4. Tambahan, halatuju **MELAKA RUMAHKU dan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035** yang dilancarkan sebelum ini, sememangnya bertujuan untuk rakyat dapat berteduh dan menikmati limpahan kemakmuran ekonomi Negeri bersejarah ini.

Saudara dan Saudari,

5. Dua hari lalu, **KeBawah Duli Yang Maha Mulia, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16** telah bertitah, antara lain menekankan tentang keperluan pentadbiran Kerajaan yang kukuh dan efektif, berfungsi untuk menangani pandemik COVID-19 serta memulihkan ekonomi.
6. Patik mengambil maklum tentang titah Tuanku dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menangani dan mencapai seperti yang dihasratkan oleh Baginda Tuanku.

**Ampun Tuanku.**

7. Bertepatan itu, justeru hari ini, saya ingin umumkan inisiatif dan pakej bantuan bagi menjaga kebajikan rakyat Melaka, berdepan cabaran pandemik COVID-19 serta PKP 3.0, yang dinamakan sebagai, **PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI MELAKAKU MAJU JAYA 2021: SEJAHTERA BERSAMA.**
8. Apa beza dan istimewanya Pakej **SEJAHTERA BERSAMA** dengan Pakej Bantuan COVID-19 1.0, sepertimana yang diumumkan pada tahun lalu?

9. **Pertama;** Pakej kali ini bersifat **inklusif dan komprehensif**, yang penumpuannya merangkumi keseluruhan masyarakat di Negeri Melaka, termasuk pihak industri tempatan.
10. **Kedua;** Pakej menyeluruh ini **berteraskan keseimbangan hubungan simbiosis antara *People Economy* dan *Capital Economy***, berbanding Pakej Bantuan 1.0 sebelumnya.
11. ***People Economy*** bermaksud, **ekonomi yang berorientasikan kepada keperluan dan kepentingan rakyat seperti kos sara hidup, pendapatan isi rumah, peluang pendidikan, latihan, serta pekerjaan, kualiti hidup, keusahawanan, bantuan-bantuan dan inisiatif, termasuk juga aspek keselamatan.**
12. Manakala ***Capital Economy***, merujuk kepada **pengurusan dan dasar ekonomi makro antaranya, pengurusan ekonomi berasaskan modal, pertumbuhan KDNK, pendapatan perkapita, pelaburan swasta, pasaran modal serta keuntungan syarikat bagi menggerakkan ekonomi demi kepentingan rakyat di negeri ini.**
13. Strategi ***people economy* dan *capital economy*** ini **digunapakai, supaya nikmat kemajuan dirasakan oleh semua lapisan masyarakat, khususnya golongan B40 dan M40, demi untuk mensejahtera rakyat serta memakmurkan negeri Melaka.**

14. **Ketiga;** Pakej bantuan ini diumumkan, sebagai **langkah persediaan awal untuk pemulihan dan merancakkan kembali ekonomi Negeri Melaka**, terutamanya tatkala Kerajaan Persekutuan mengumumkan pembukaan semula aktiviti ekonomi seperti sediakala nanti.
15. **Keempat;** Pakej **SEJAHTERA BERSAMA** ini turut akan memastikan bahawa, tiada yang terpinggir, tiada seorang pun tertinggal atas prinsip, **'No one is left behind'**.
16. **Kelima;** Pakej ini adalah **kemuncak kepada keseluruhan inisiatif, bantuan demi bantuan**, yang sebenarnya telah kita mulakan beberapa minggu lalu, melalui inisiatif yang diumumkan oleh agensi-agensi Kerajaan Melaka.
17. Ini tidak termasuk lebih 100 inisiatif yang telah dibentangkan dalam Bajet 2021. Antaranya, **pemotongan gaji saya dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebanyak 10 peratus** dan inisiatif **'Melaka Bebas Niaga'**, yang tempoh kedua-duanya selama 1 tahun.
18. Saya sedar itu masih belum mencukupi. Saya baca komen dan terima pelbagai saranan dalam media sosial. Ada juga yang *PM* atau mesej saya secara peribadi. *"TokLeman tolonglah perhebatkan lagi bantuan kebajikan kepada kami"*.

19. Baiklah kalau begitu pintanya, maka pada Jumaat di Penghulu hari ini, Kerajaan Negeri Melaka ingin umumkan melalui **Pakej SEJAHTERA BERSAMA** ini, sebanyak **60 inisiatif dengan keseluruhan peruntukan mencecah RM174.53 juta (RM174,527,692.12)**.
20. Peruntukan ini disalurkan melalui pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Melaka, meliputi pelbagai inisiatif sedia ada, diluluskan melalui Belanjawan 2021 dan juga banyak lagi inisiatif baharu yang akan kita umumkan sebentar lagi.
21. Bahkan, jika dicampur dengan **Pakej bantuan 1.0 tahun lalu** sebanyak **RM21.45 juta**, menjadikan **nilai keseluruhan Pakej Bantuan Kerajaan Melaka** kepada rakyat negeri ini yang jumlahnya mencecah **RM195.98 juta**.

Saudara dan saudari,

22. **Adam Smith, tokoh ekonomi terkemuka dunia** pernah mengungkapkan yang diolah bahawa, **“suatu negara bangsa tidak kaya, sekadar hasil akumulasi keanak-anakan dari logam berkilau, tetapi kekayaan sebenarnya datang menjelma daripada limpahan kemakmuran ekonomi kepada rakyatnya.”**

23. Serentak itu, **demi masalah negeri dan kelangsungan hidup rakyat Melaka, Pakej SEJAHTERA BERSAMA dilaksanakan sebagai Tawaran Baharu atau *the New Deal*, bagi persediaan pasca pandemik, untuk membantu masyarakat, memulih dan menggerakkan ekonomi demi mensejahterakan kehidupan rakyat Melaka.**
24. Maknanya, manfaat pakej ini akan dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat di negeri ini, seperti para nelayan, abang-abang beca, pemandu bas dan pemandu bas sekolah, peniaga kecil, para pelajar, kumpulan asnaf serta mualaf, pengawal keselamatan, pemandu grab dan sebagainya.

Saudara dan saudari,

### ***PEOPLE ECONOMY***

25. Berhubung demikian, dalam konteks *people economy* yakni, **bantuan dan inisiatif ekonomi yang berteraskan kepada keperluan dan kepentingan rakyat, sebanyak 33 inisiatif sedang dan akan dilaksanakan.**

Saudara dan saudari,

### **Pertama; Bantuan Ma'niah Al A'mal**

26. Inisiatif ini diberikan kepada golongan B40 dan rentan, yang memperoleh gaji harian seperti nelayan, penarik beca, pemandu bas/van bas sekolah dan ekspres, pengusaha kedai gunting rambut, peniaga pasar malam, peniaga bazar, pengawal keselamatan, pengusaha taska/pusat jagaan kanak-kanak, pemandu Grab dan seumpamanya.
27. Bantuan **One-Off sebanyak RM350** akan disalurkan secara berperingkat mulai pertengahan Jun 2021. Anggaran penerima adalah 6,000 orang, melibatkan peruntukan bernilai RM2.1 juta.

### **Kedua; Bantuan Kit Makanan Nutrisi Sejahtera**

28. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM3.22 juta untuk pemberian Bantuan Kit Makanan Nutrisi Sejahtera bernilai RM100, yang mengandungi makanan asas untuk 32,200 penerima.
29. Bantuan ini diberi kepada penerima golongan B40 dan warganegara Malaysia yang bermastautin di Melaka. Inisiatif ini telah mula dilaksanakan pada Februari 2021 dan masih berlangsung.



### **Ketiga; Penyaluran Bantuan Kit Makanan Musa'adah**

30. Sebanyak 23,400 kit makanan kecemasan mengandungi makanan asas, diagihkan melalui 28 JAPERUN, 186 buah masjid, dan pelbagai NGO Islam serta persatuan di seluruh Melaka.
31. Agihan telah pun dimulakan dan berterusan sehingga Ogos 2021, melibatkan peruntukan sejumlah RM936,000.

### **Keempat; Pemberian Bantuan Alat Pembelajaran PDPR**

32. Pemberian tablet secara *One-Off* dan langganan internet selama setahun dengan peruntukan RM1,000, bagi keluarga asnaf yang mempunyai sekurang-kurangnya 3 orang anak, di bawah tanggungan yang masih bersekolah atau menuntut di Institut Pengajian Tinggi Awam.
33. Peruntukan sejumlah RM3 juta ini, memanfaatkan seramai 3,000 pelajar asnaf, bagi meneruskan pembelajaran di rumah dengan lebih selesa dan mengurangkan keciciran pelajaran. Menyentuh tentang pelajaran juga, Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar, ibu bapa, guru-guru dan kepimpinan sekolah yang telah mencapai kejayaan cemerlang dalam Peperiksaan SPM 2020 yang diumumkan minggu lalu. Seramai 215 orang pelajar memperoleh keputusan semua A, termasuk empat orang yang

memperoleh keputusan semua A+. Untuk ini, Kerajaan Melaka melalui TAPEM memperuntukkan kira-kira RM155 ribu untuk bayaran insentif Anugerah Pelajar SPM, STAM dan STPM.

#### **Kelima; Penangguhan Bayaran Pinjaman Wang Pengajian Tinggi**

34. Berita baik untuk anak-anak Melaka, penangguhan bayaran pinjaman wang pengajian tinggi TAPEM dilanjutkan dari Jun 2021 sehingga Ogos 2021.
35. Penangguhan ini diberikan kepada 7,634 peminjam yang masih dalam tempoh penjadualan bayaran balik pinjaman dengan implikasi kewangan sebanyak RM1.73 juta.
36. Menyentuh tentang pendidikan juga, di sisi lain, Kerajaan Melaka bersama KPT, sedang melaksanakan program Penjana KPT-CAP@STATE, yang menawarkan peluang pekerjaan kepada kira-kira 500 graduan Anak Melaka, yang diselaraskan Institut Tun Perak.

#### **Keenam; Bantuan Tambahan Persediaan Aidil Adha Untuk KIR Asnaf**

37. Bantuan *One-Off* sebanyak RM200 bagi setiap KIR Asnaf MAIM, melibatkan seramai 8,500 orang penerima.

38. Bantuan ini akan dikreditkan ke dalam akaun penerima yang masih aktif menerima bantuan makanan bulanan dan tahunan MAIM, menjelang Aidil Adha akan datang, melibatkan implikasi kewangan RM1.7 juta.

**Ketujuh; Bantuan Ta'awun Muallaf Khas Aidil Adha Kepada Asnaf Muallaf**

39. Bagi setiap Muallaf yang aktif di bawah MAIM pula, bakal menerima RM300 secara *One-Off* sebelum menyambut Hari Raya Aidil Adha yang dikreditkan ke dalam akaun penerima.
40. Peruntukan yang terlibat dalam pemberian sumbangan ini adalah sebanyak RM600,000, melibatkan seramai 2,000 penerima.

**Kelapan; Program Penyambungan Bantuan Makanan Bulanan MAIM**

41. Program Bantuan Makanan Bulanan MAIM juga diteruskan secara automatik untuk tempoh 6 bulan ke hadapan bagi 1,574 keluarga penerima, yang sepatutnya tamat menerima bantuan tersebut pada Jun 2021 sehingga Ogos 2021.
42. Inisiatif ini melibatkan peruntukan sejumlah RM1.88 juta yang terus dikreditkan ke dalam akaun penerima tanpa perlu membuat sebarang permohonan di MAIM.

**Kesembilan; Bantuan Kit Makanan kepada Golongan Orang Asli**

43. Bantuan Kit Makanan bernilai RM40 per kit yang mengandungi makanan asas akan diagihkan kepada Orang Asli melalui Bilik Gerakan Musa'adah MAIM sepanjang tempoh 3 bulan, mulai Jun 2021 sehingga Ogos 2021.
44. Bantuan ini melibatkan peruntukan RM72,000 yang memanfaatkan seramai 600 keluarga.

**Kesepuluh; Makanan Kecemasan (Pengaktifan Kad Pengenalan) secara *One-off***

45. Bantuan makanan kecemasan turut diberi secara *one-off* kepada golongan B40 dengan kadar dari RM50 sehingga RM200.
46. Inisiatif ini melibatkan peruntukan sebanyak RM300,000 memanfaatkan 3,000 penerima dalam tempoh Jun 2021 sehingga Ogos 2021.

Saudara dan saudari,

## **Kesebelas; Penyediaan Kit Kesihatan dan Penjagaan Tubuh Badan**

47. Dalam usaha membantu meningkatkan kesedaran masyarakat umum terhadap penjagaan kesihatan, peruntukan sebanyak RM150,000 dibelanjakan, bagi membantu penyediaan Kit Kesihatan dan Penjagaan Tubuh Badan kepada golongan sasar.
48. Kit ini mengandungi peralatan asas seperti pelitup muka, *hand sanitizer*, tuala, set berus gigi, sabun dan sebagainya.

## **Kedua belas; Peruntukan Barang Kelengkapan Dan Kemudahan Asas Frontliners**

49. Sebagai sokongan dan solidariti kita kepada *Health Workers* dan *Frontliners* di hospital, PKD, Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid 19 atau PKRC, Pusat Vaksin, PDRM, Bomba dan *Covid 19 Assesment Center* atau CAC,...
50. Maka, sejumlah RM100,000 juga diperuntukkan bagi membantu melengkapkan kemudahan sedia ada seperti bekalan *PPE*, *hand sanitizer*, ruang solat dan sebagainya.

### **Ketiga belas; Kit Peralatan Pengurusan Jenazah**

51. Sebagai usaha menjaga kesihatan dan keselamatan pengurusan jenazah bukan kategori Covid, bantuan berupa kit peralatan pengurusan jenazah yang mengandungi alatan seperti sarung tangan, *face mask*, *face shield*, *apron*, *hand sanitizer* dan seumpamanya.
52. Kit Peralatan ini akan disalurkan ke 186 buah masjid di seluruh Melaka, melibatkan kos RM300,000.

### **Keempat belas; Pengurangan Bayaran Bil Air Rumah Kos Rendah Lembaga Perumahan Melaka (LPM)**

53. Pengurangan bil air bulan Jun 2021 kepada penyewa dan pemilik Rumah Kos Rendah milik Lembaga Perumahan Melaka diberikan sebanyak 10 peratus, melibatkan hampir 20,000 isi rumah.

### **Kelima belas; Pengurangan Sewa Rumah Pangsa dan Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembaga Perumahan Melaka (LPM)**

54. Kerajaan Melaka bersetuju mengurangkan sewa sebanyak 50 peratus 1,462 penyewa di PPR Krubong, PPR Tehel, Rumah Pangsa Kampung Padang dan Rumah Pangsa Pantai Peringgit dengan implikasi kewangan mencecah RM498 ribu.
55. Pengurangan sewa ini adalah bagi tempoh 3 bulan iaitu dari Jun 2021 sehingga Ogos 2021.

### **Keenam belas; Pengurangan Bayaran Kompaun**

56. Kerajaan bersetuju mengurangkan bayaran kompaun sehingga 70 peratus, tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan atau PBT, diberikan sepanjang tempoh Mei 2021 sehingga Disember 2021.

### **Ketujuh belas; Caj Parkir Percuma di Kawasan Parkir PBT**

57. Parkir Awam tidak dikenakan sebarang caj bermula dari 1 Jun 2021 sehingga 31 Julai 2021.

### **Kelapan belas; Penawaran moratorium 50 peratus bayaran balik pinjaman Dana Hartanah Bumiputera (DHB)**

58. Melalui Melaka Finance House atau MFH, kita menawarkan moratorium sebanyak 50 peratus dari bayaran balik pinjaman DHB bagi bulan Jun 2021.

59. Penawaran ini memanfaatkan 89 peminjam, melibatkan implikasi kewangan hampir RM19 ribu.

### **Kesembilan belas: Penawaran moratorium 50 peratus bayaran balik pinjaman perumahan MFH**

60. MFH menawarkan moratorium sebanyak 50 peratus dari bayaran balik pinjaman perumahan MFH bagi bulan Jun 2021. Penawaran ini memanfaatkan 6 peminjam dan melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM1,038.00.

**Kedua puluh; Pengecualian Bayaran Denda Lewat Kepada Pembeli Pangsapuri Jasin Bistari Seksyen 3**

61. Melalui PERTAM, kita telah menawarkan pengecualian bayaran denda lewat kepada pembeli pangsapuri Jasin Bistari Seksyen 3, seramai 320 pembeli. Pengecualian ini diberikan sehingga 11 Mei 2021, melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM309 ribu.

Saudara dan saudari,

**Bagi inisiatif kedua puluh satu; Pelanjutan Tempoh Pembayaran Cukai Tanah dan Cukai Petak Tanpa Denda**

62. Tempoh pembayaran cukai tanah dan cukai petak dilanjutkan dari 31 Mei 2021 kepada 30 September 2021 tanpa denda. Pembayar cukai tidak akan dikenakan denda lewat sekiranya membuat pembayaran cukai tanah dan cukai petak sehingga 30 September 2021.

**Kedua puluh dua; Diskaun 100 peratus Denda Lewat Cukai Tanah dan Cukai Petak**

63. Kita beri tawaran diskaun 100 peratus ke atas denda lewat cukai tanah dan cukai petak keseluruhan yang tertunggak sehingga 30 September 2021.



64. Diskaun ini ditawarkan sehingga 30 September 2021, dengan syarat cukai semasa dijelaskan sepenuhnya.
65. Kedua-dua inisiatif pelanjutan tempoh bayaran dan diskaun 100 peratus denda lewat cukai tanah dan cukai petak ini melibatkan implikasi kewangan RM22 juta, bagi keseluruhan 396,000 pemilik cukai tanah dan petak di Negeri Melaka.

**Kedua puluh tiga; Melanjutkan Tempoh Pembayaran Ansuran Premium Tanah Sehingga 12 Bulan**

66. Melanjutkan tempoh pembayaran ansuran premium tanah dilanjutkan dari 3 bulan kepada 12 bulan, yang dapat meringankan beban individu, pemaju dan agensi kerajaan yang berkaitan.
67. Inisiatif baharu ini melibatkan penangguhan kutipan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM81 juta.

**Kedua puluh empat; Diskaun 30 peratus Tunggakan Cukai Tanah dan Cukai Petak**

68. Kita beri tawaran diskaun 30 peratus ke atas tunggakan cukai tanah dan cukai petak yang melibatkan 154,000 pemilik.

69. Inisiatif baharu ini ditawarkan sehingga 30 September 2021, melibatkan pengurangan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM8 juta.

**Kedua puluh lima; Pengecualian Bayaran Denda Lewat Cukai Taksiran**

70. PBT memberikan pengecualian sepenuhnya bayaran Denda Lewat Cukai Taksiran dalam tempoh Penggal Pertama dan Penggal Kedua Tahun 2021.
71. Pengecualian ini akan memanfaatkan 240,457 pembayar cukai taksiran dengan implikasi kewangan sebanyak RM4.65 juta.

**Kedua puluh enam; Pelantikan JomPAY bagi Memudahkan Proses Pembayaran Cukai Tanah Dan Cukai Petak**

72. Pembayaran cukai tanah dan cukai petak boleh dilaksanakan di rumah sahaja dengan menggunakan aplikasi pintar Melaka Pay dan juga portal e-bayar.
73. Tambahan, pembayaran melalui JomPay juga akan diperkenalkan dalam masa terdekat yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM139 ribu.

74. Semakan maklumat bil cukai tanah dan cukai petak boleh dibuat melalui portal Pejabat Tanah dan Galian Negeri Melaka dengan hanya memasukkan nombor kad pengenalan pemilik hartanah sahaja.

**Kedua puluh tujuh; Pemberian Insentif kepada Penggiat Industri Pelancongan Negeri Melaka Yang Telah Dilaksanakan pada Tahun 2021**

75. Melalui Belanjawan Negeri Melaka 2021, beberapa inisiatif dengan anggaran peruntukan RM114,600 telah diberikan kepada penggiat industri pelancongan seperti berikut;

- i. **Satu;** Pemberian insentif Kerajaan Negeri Melaka berjumlah RM32,400.00 kepada 162 Pemandu Pelancong pada 28 Februari 2021;
- ii. **Dua;** Pemberian insentif Kerajaan Negeri Melaka kepada 103 orang Pemandu Bas Persiaran Pelancong sebanyak RM20,600.00 pada 28 Februari 2021; dan
- iii. **Tiga;** Pemberian insentif Kerajaan Negeri Melaka kepada 308 orang Pengusaha Beca sebanyak RM61,600 pada 27 & 28 Februari 2021.

**Kedua puluh lapan; Bayaran Insentif secara *One-Off Frontliner* PBT**

76. Bayaran insentif secara *One-Off* diberikan kepada barisan frontliner PBT yang terdiri daripada Penguatkuasa, Unit Perlesenan, Unit Kebersihan dan Unit Kesihatan Persekitaran.
77. Insentif yang diberikan adalah RM100, yang akan disalurkan dalam tempoh PKP 3.0 kepada 554 penerima.

**Kedua puluh sembilan; Bayaran Elaun Sukarelawan Asnaf**

78. Akibat keterbatasan pergerakan sukarelawan Asnaf dalam menjalankan tugas sepanjang tempoh PKP 3.0 ini, bayaran penuh elaun sukarelawan asnaf diberikan bagi tempoh 3 bulan iaitu Mei 2021 sehingga Julai 2021.
79. Inisiatif ini melibatkan peruntukan mencecah RM455 ribu, memanfaatkan seramai 292 penerima.

**Inisiatif Ketiga puluh; Tiada Pemotongan Bekalan Air Kepada Semua Pemegang Akaun Bil Air Sepanjang Bulan Jun Dan Julai 2021**

80. Kerajaan Negeri melalui Syarikat Air Melaka Berhad atau SAMB, tidak akan membuat sebarang pemotongan bekalan air dalam tempoh Jun 2021 dan Julai 2021.

81. Inisiatif ini melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM20.72 juta iaitu sebanyak 184,000 pemegang akaun di seluruh negeri Melaka.

Saudara dan saudari sekalian,

### ***CAPITAL ECONOMY***

82. Di perspektif *capital economy*, yang bertujuan untuk pemulihan, bagi menggerak dan merencanakan aktiviti ekonomi Negeri, supaya rakyat dapat menjana serta menambah pendapatan.

83. Melalui suntikan berupa insentif dan inisiatif khusus kepada industri serta sektor tertentu, yang kegiatan ekonominya tidak dapat berjalan seperti sediakala, agar mereka dapat mengurangkan tekanan, sekaligus meningkatkan produktiviti dan perolehan, supaya mampu menyumbang hasil melalui cukai, kepada Negeri Melaka.

84. Apabila hasil Negeri meningkat, sudah tentu lebih banyak bantuan dan inisiatif dapat diberikan kepada rakyat Melaka seluruhnya.

85. Merujuk *capital economy* ini, Kerajaan Melaka menggariskan **27 inisiatif**, sebagai persediaan pasca pandemik ke arah pemulihan, bagi merancang dan memperkukuhkan kedudukan ekonomi Negeri Melaka.

### **Ketiga puluh satu; Melaka Bebas Niaga**

86. Bagi membantu golongan peniaga, terutama para peniaga kecil untuk mencari rezeki, Kerajaan Negeri Melaka bersama pihak PBT telah bersetuju untuk melaksanakan **'Melaka Bebas Niaga'** bagi sepanjang tahun 2021, di dalam kawasan negeri Melaka, dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

### **Ketiga puluh dua; Dana Bantuan Kasih Niaga**

87. Menerusi Dana Bantuan Kasih Niaga, kita sumbangkan sebanyak RM1,000 kepada usahawan di Negeri ini, yang diselaraskan oleh Pejabat Daerah dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN).

88. Dana ini mensasarkan sebanyak 1,000 orang usahawan, melibatkan peruntukan RM1 juta. Setakat ini, sebanyak 781 permohonan telah diterima dan sedang diproses.

### **Ketiga puluh tiga; Pengecualian Bayaran Denda Lewat Lesen Perniagaan dan Pembaharuan Lesen Perniagaan**

89. Pengecualian bayaran denda lewat diteruskan oleh PBT dan tertakluk kepada kelulusan setiap PBT.

90. Pengecualian ini melibatkan 4,111 pemegang lesen dan akan diberi sepanjang tempoh Jun 2021 sehingga Disember 2021. Implikasi kewangan dianggarkan mencecah RM260 ribu.

**Ketiga puluh empat; Pengurangan 50 Peratus Caj Lesen Penjaja dan Peniaga Kecil**

91. Kerajaan Melaka bersetuju mengurangkan 50 peratus Caj Lesen Penjaja dan Peniaga Kecil diberikan kepada peniaga kecil bermula Jun 2021 sehingga Disember 2021, tertakluk kepada kelulusan setiap PBT.

**Ketiga puluh lima; Pengecualian Denda Lewat Sewaan Premis, Gerai, dan Ruang Niaga Milik PBT**

92. Kita mengecualikan Denda Lewat sewaan premis, gerai dan ruang niaga juga diberikan pada Jun 2021, tertakluk kepada kelulusan PBT.

**Ketiga puluh enam; Pengurangan Kadar Sewaan Penyewa Industri Kecil Sederhana (IKS), Gerai dan Usahawan**

93. Kerajaan Melaka melalui PKNM bersetuju mengurangkan sebanyak 50 peratus kadar sewaan kepada penyewa IKS, gerai dan usahawan bagi bulan Jun dan Julai 2021, dengan syarat, tunggakan sewaan bulanan adalah tidak melebihi 3 bulan.

**Ketiga puluh tujuh; Pengecualian Sewaan oleh Yayasan Melaka**

94. Kerajaan Negeri melalui, Yayasan Melaka bersetuju untuk memberi pengecualian sewaan kepada penyewa rumah kedai, kediaman, lot tanah, tapak kosong dan gerai medan selera di kediaman Pelajar Yayasan Melaka serta asrama di Kediaman Pelajar Yayasan Melaka dan bangunan korporat.

95. Pengecualian ini telah diberikan pada Januari dan Februari 2021 dan diteruskan bagi tempoh Jun 2021 sehingga Ogos 2021, melibatkan implikasi kewangan hampir RM 700 ribu.

**Ketiga puluh lapan; Pengurangan 50 Peratus Sewa Tapak dan Premis Milik PBT (kecuali Pasar Awam)**

96. Pengurangan sebanyak 50 peratus sewa tapak dan premis milik PBT seluruh negeri Melaka diberikan pada bulan Jun 2021.
97. Inisiatif ini melibatkan 2,922 penyewa, dengan implikasi kewangan hampir mencecah RM 590 ribu.

**Ketiga puluh sembilan; Pengecualian Kenaikan Sewa bagi Penyewaan Premis Perniagaan Milik PKNM**

98. Kita bersetuju untuk mengecualikan kenaikan sewa bagi penyewaan premis perniagaan milik PKNM yang tamat serta diperbaharui, mulai 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2022.



**Inisiatif Keempat puluh; Pengecualian Bayaran Duti Hiburan Tahun 2021 kepada Taman Tema Air, Taman Mini Malaysia, Taman Buaya, Muzium, Zoo Melaka, Taman Rama-Rama dan A'Famosa Night Safari**

99. Melalui Belanjawan Melaka 2021, Kerajaan Negeri telah mengecualikan duti hiburan untuk tiga taman tema air, iaitu A' Famosa Water Theme Park, Bayou Lagoon Resort dan Melaka Wonderland Water Theme Park, pada 2021, serta program hiburan keluarga bermusim.

100. Lanjutan itu, Kerajaan Melaka juga memanjangkan pengecualian duti hiburan ini kepada Taman Mini Malaysia, Taman Buaya, Muzium-muzium, Zoo Melaka, Taman Rama-Rama dan A'Famosa Night Safari bagi tempoh sepanjang tahun 2021.

101. Pengecualian duti hiburan ini melibatkan pengurangan hasil negeri sebanyak RM1 juta.

Saudara dan saudari,

**Keempat puluh satu; Insentif *One-Off* kepada Penggiat Industri Pelancongan Negeri Melaka**

102. Kerajaan Negeri juga peka dengan penggiat industri pelancongan yang terkesan berikutan PKP, justeru kita telah meluluskan beberapa insentif *One-Off* seperti berikut;

- i. **Satu;** Bantuan *One-Off* kepada 120 Pengusaha Agensi Kembara Pelancongan Negeri Melaka berjumlah RM1,000.00 setiap agensi kembara;
- ii. **Dua;** Bantuan *One-Off* kepada 9 Pengusaha Homestay Negeri Melaka berjumlah RM2,000.00 bagi setiap pengusaha inap desa (*homestay*);
- iii. **Tiga;** Bantuan *One-Off* kepada 67 Pengusaha Chalet Bumiputera Negeri Melaka berjumlah RM1,500.00 bagi setiap pengusaha; dan
- iv. **Empat;** Bantuan *One-Off* sebanyak RM5,000.00 kepada Persatuan Pelancongan Melaka (MTA), Persatuan Hotel Malaysia Melaka (MAH) dan Persatuan Bajet Hotel Negeri Melaka (MyBHA).

Jumlah keseluruhan penerima bantuan *One-Off* ini seramai 199 penggiat industri pelancongan Negeri Melaka dengan nilai peruntukan hampir RM 254 ribu.

Saudara dan saudari,

**Inisiatif keempat puluh dua; Kerjasama Bahagian Promosi Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri Melaka bersama LAZADA**

103. Kita setuju berkerjasama dengan platform e-commerce terkemuka iaitu Lazada, bagi membangunkan *Page Melaka* di dalam Platform Lazada, untuk mengembangkan lagi produk-

produk pelancongan Negeri Melaka, dengan penawaran insentif seperti berikut;

- i. **Satu;** Mengetepikan yuran *onboarding* dan listing untuk sehingga 1000 PKS / penggiat industri pelancongan Negeri Melaka bagi membantu melonggarkan syarat pendaftaran masuk ke dalam platform Lazada;
- ii. **Dua;** Memberikan panduan *onboarding*; dan
- iii. **Tiga;** Memberikan latihan melalui Universiti Lazada, bersama dengan usaha pemasaran untuk memberikan sokongan yang diperlukan oleh semua usahawan.
  
- iv. **Empat;** Kerjasama bersama Lazada ini juga akan dilaksanakan melalui promosi Melaka E-Bazaar “*Book Now, Travel Later*” Jualan Mega Atas Talian sempena Sambutan Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2021, bersama dengan pihak Lazada dengan memperuntukkan bajet sebanyak RM100,000.00, di bawah Tabung Amanah Pelancongan Negeri Melaka,...

Di mana peruntukan ini akan dijadikan sebagai potongan harga diskaun berbentuk *e-voucher*, untuk dinikmati oleh pengguna platform Lazada bagi mendapatkan produk dan perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan oleh lebih 1,000 pengusaha produk pelancongan negeri Melaka.

Melalui kaedah ini, ianya bakal menggalakkan transaksi pembelian secara terus di antara pengguna di platform Lazada dengan pedagang-pedagang (*merchant*) negeri Melaka, seterusnya menjayakan kempen “*Book Now, Travel Later*” selaras dengan situasi pasca pandemik Covid-19.

#### **Keempat puluh tiga; Pengurangan Sewaan di Kompleks Melaka Sentral**

104. Melalui Melaka Sentral Sdn Bhd kita telah menawarkan pengurangan sewaan di Kompleks Melaka Sentral bagi tempoh Jan 2021 sehingga Mac 2021.
105. Pengurangan sewaan ini ditawarkan sekali lagi bagi tempoh Jun 2021 sehingga Disember 2021, melibatkan implikasi kewangan RM1.55 juta.

**Keempat puluh empat; Remisi Sehingga 25 Peratus Cukai Taksiran Untuk Premis Terjejas Atau Pegangan Kosong**

106. Penawaran remisi sehingga 25 peratus daripada cukai taksiran ditawarkan sepanjang tahun 2021 untuk premis terjejas atau pegangan kosong sahaja, yang tertakluk kepada kelulusan PBT.
107. Inisiatif baharu ini melibatkan 1,326 pegangan dan implikasi kewangan sebanyak RM3.36 juta.

**Keempat puluh lima; Pengecualian Caj Denda Lewat Terhadap Pembayaran Baki Harga Jualan Pembeli Aset PKNM**

108. Mengecualikan sepenuhnya caj denda lewat pembayaran baki harga jualan aset PKNM. Inisiatif ini diberikan pada Jun 2021 dan Julai 2021, melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM200,000.

**Keempat puluh enam; Pengurangan 30 Peratus Bayaran Fi Proses PBT Untuk Pemaju Yang Memajukan Tanah Berstatus MCL**

109. Pihak PBT memberikan pengurangan sebanyak 30 peratus ke atas bayaran fi proses kepada pemaju yang memajukan tanah berstatus MCL.
110. Inisiatif baharu ini ditawarkan dari Jun 2021 sehingga Jun 2022.

**Keempat puluh tujuh; Pengurangan 30 Peratus Fi Bayaran Lesen Kepada Pengusaha Kafeteria Di Kilang Yang Tidak Beroperasi**

111. Kita berikan pengurangan sebanyak 30 peratus kepada 225 premis pengusaha Kafeteria di kilang yang tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKP iaitu dari 1 Jun 2021 sehingga 28 Jun 2021.
112. Inisiatif baharu ini melibatkan pengurangan hasil PBT sebanyak RM51,617.

**Seterusnya, bagi inisiatif keempat puluh lapan; Pengecualian Sewaan Kepada Penyewa Premis-Premis Wakaf Dan Baitulmal MAIM**

113. Kita berikan 100 peratus pengecualian sewaan kepada semua penyewa premis-premis Wakaf dan Baitulmal MAIM tidak kira sama ada penyewa Muslim atau Bukan Muslim.
114. Bantuan ini melibatkan implikasi kewangan bernilai RM565,250 dan meringankan beban penyewa dalam tempoh Mei 2021 sehingga Julai 2021.

**Keempat puluh sembilan; Penangguhan Bayaran Abstraksi Air Mentah**

115. Menangguhkan bayaran Abstraksi Air Mentah dari Mei 2021 sehingga Julai 2021 dan penyelarasan semula bil akan dibuat mulai Ogos 2021.

116. Penangguhan bayaran abstraksi air mentah ini melibatkan penangguhan kutipan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM2.3 juta.

**Inisiatif Kelima puluh; Penangguhan Kenaikan Caj Abstraksi Air Mentah**

117. Kenaikan caj yang sepatutnya dimulakan pada April 2021 berikutan faktor ketersediaan sumber air yang terhad akan ditangguhkan sehingga Disember 2021.

118. Penangguhan kenaikan caj ini melibatkan penangguhan kutipan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM1.7 juta.

Saudara dan saudari,

**Bagi inisiatif kelima puluh satu; Diskaun 50 peratus Fi Proses dan Fi Lesen di bawah Badan Kawal Selia Air (BKSA)**

119. Pemberian diskaun ini akan memberi manfaat kepada 206 pemegang lesen bagi tujuan pembaharuan dan permohonan baharu untuk tempoh Jun sehingga Disember 2021.

120. Pemberian diskaun ini melibatkan pengurangan hasil Kerajaan Negeri sebanyak RM52 ribu.

**Kelima puluh dua; Pemberian pengecualian atau pengurangan kadar bayaran sewa bagi premis milik Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI).**

121. Kita bersetuju untuk menawarkan pengecualian atau pengurangan kadar bayaran sewa kepada 164 penyewa premis milik CMI dari bulan Jun 2021 sehingga Ogos 2021.

122. Inisiatif ini melibatkan implikasi kewangan mencecah RM519 ribu.

**Kelima puluh tiga; Penawaran Moratorium 50 peratus bayaran balik pinjaman skim mikro kredit (usahawan) Melaka Finance House (MFH)**

123. Kita juga melalui MFH menawarkan **moratorium dengan kadar 50 peratus kepada 30 peminjam skim mikro kredit (usahawan) MFH** untuk bulan Jun 2021.

**Kelima puluh empat; Pengurangan Bayaran Bil Air Bagi Perniagaan Berasaskan *Homestay Dan Car Wash***

124. Kerajaan Melaka melalui SAMB menawarkan pengurangan sebanyak 10 peratus kepada 585 akaun penyewa/pemilik premis *homestay* dan *carwash*. Penawaran ini ditawarkan dalam tempoh Jun 2021, melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM6,200.



**Kelima puluh lima; Penawaran Pembayaran Ansuran Bagi Bil Air Bertunggakan Untuk Pengguna Perniagaan/Industri Yang Melebihi 120 Hari.**

125. Bagi Pengguna perniagaan/industri yang mempunyai tunggakan melebihi 120 hari ditawarkan untuk membuat pembayaran secara ansuran sebanyak 6 kali dari bulan Julai 2021 sehingga Disember 2021.

126. Inisiatif ini melibatkan 4,282 akaun dan implikasi kewangan sebanyak RM1.46 juta.

**Kelima puluh enam; Penawaran Bayaran Secara *Offset* Dengan Bayaran Deposit Bagi Pengguna Perniagaan/Industri Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi 120 Hari.**

127. Kepada semua pengguna air perniagaan/industri yang mempunyai tunggakan bil air melebihi 120 hari, ditawarkan untuk membuat pembayaran secara *offset* dengan bayaran deposit pada bulan Julai 2021.

128. Penawaran ini melibatkan 11,620 akaun dan implikasi kewangan sebanyak RM820,000 dengan syarat deposit adalah melebihi jumlah penggunaan.

**Kelima puluh tujuh; Pengurangan Bayaran Sewaan Jun 2021  
Kepada Penyewa SAMB**

129. Kerajaan Negeri melalui SAMB menawarkan pengurangan sewaan dengan kadar 50 peratus kepada 12 penyewa pada bulan Jun 2021, melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM46,096.80.

Saudara dan saudari sekalian,

**Pakej PEMERKASA Plus**

130. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan, di atas pengumuman pelbagai inisiatif di bawah **pakej PEMERKASA Tambahan atau Pamerkasa Plus bernilai RM40 bilion** pada 31 Mei 2021 yang lalu.

131. Antaranya, Bantuan Prihatin Rakyat, Bantuan Khas Prihatin, Program Subsidi Upah, Moratorium Pinjaman dan Kemudahan Pembiayaan kepada kumpulan terkesan seperti para peniaga kecil.

132. Selanjutnya, Kerajaan Melaka turut menzahirkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan Malaysia, yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta, bagi pelaksanaan projek-projek kecil di bawah PEMERKASA yang akan memanfaatkan kontraktor-kontraktor tempatan.
133. Malah, terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana beberapa hari lalu, telah membentangkan **Pelan Pemulihan Negara: Peralihan Fasa PKP Secara Berperingkat**, yang meliputi 4 fasa, sebelum semua sektor ekonomi akan dibuka semula, termasuk sektor sosial, seawal akhir Oktober 2021.

## **PENUTUP**

Saudara dan saudari, rakyat Melaka yang dikasihi sekalian,

134. Jelasnya di sini, sekalung terima kasih kepada semua *frontliners*, *volunteers* dan rakyat Negeri Melaka yang bertungkus lumus memerangi penularan COVID-19.
135. Dari hati yang mendalam, saya amat menghargai segala bakti dan pengorbanan anda. **Terima kasih semua, terima kasih!**

136. Kepada semua rakyat Melaka, *stay at home*, patuhi SOP, jagalah kesihatan dan keselamatan diri serta keluarga baik-baik. Kita perlu putuskan penularan wabak ini, dengan hashtag, **#MelakaMestiMenangCOVID19**.
137. Kepada mereka yang telah kehilangan orang tersayang akibat pandemik ini, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin menzahirkan simpati, rasa kedukaan dan salam takziah.
138. Manakala kepada mereka yang terjejas, akibat daripada wabak dan PKP 3.0, semoga Pakej SEJAHTERA BERSAMA ini, setidak-tidaknya, mampu memberi kelegaan, meringankan beban serta manfaat kepada kelangsungan hidup anda. InsyaAllah.

Saudara dan saudari,

**Bagi Inisiatif kelima puluh lapan; Potongan Gaji 10 peratus Ketua Menteri serta Ahli EXCO**

139. Seperti disebut pada awal ucapan tadi, atas rasa prihatin dan kebersamaan dalam membantu golongan yang terkesan dengan wabak COVID-19 di negeri ini, **saya dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)** telah bersetuju untuk **memotong gaji sebanyak 10 peratus, bermula dari bulan Januari 2021 sehingga Disember 2021**.

140. Inisiatif ini disalurkan ke **Tabung Bantuan Bencana COVID-19 Negeri Melaka**, melibatkan **peruntukan sebanyak RM102 ribu**.

Saudara dan Saudari,

**Inisiatif kelima puluh sembilan; Pemotongan Elaun ITK dan ITKA penjawat awam Kerajaan Negeri Melaka bagi Tujuan Sumbangan**

141. Tidak berhenti di situ, malah **sebahagian Imbuan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA), para penjawat awam Kerajaan Negeri Melaka akan turut disumbangkan kepada Akaun Amanah Bencana**.

142. Inisiatif ini melibatkan **1,707 orang penjawat awam Negeri, PBT dan Badan Berkanun Negeri dari Gred 29 ke atas, yang jumlah keseluruhan sumbangan bagi tempoh Julai 2021 sehingga September 2021 adalah sebanyak RM78 ribu**.

Saudara dan saudari,

**Sumbangan Tabung Covid Negeri Melaka**

143. Selanjutnya, ada juga orang Melaka yang prihatin dan bertanya saya, *“TokLeman, jika kami nak bantu, macam mana caranya?”*

144. Ok, kepada orang ramai, tak kiralah daripada syarikat korporat, firma swasta atau individu perseorangan, anda dipelawa untuk memberi sumbangan kepada **Tabung COVID-19 Negeri Melaka**, yang digunakan untuk membantu meringankan beban rakyat akibat wabak ini.
145. Segala sumbangan boleh disalurkan melalui cek/EFT kepada **Bendahari Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri Melaka yang kedua-dua akaunnya seperti tertera di perutusan khas Pakej SEJAHTERA BERSAMA ini.**
146. Pihak Bendahari Negeri akan mengeluarkan resit rasmi dan sumbangan tersebut layak mendapat potongan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

***(Bendahari Negeri – akaun Maybank Islamic  
554026000401***

***Pegawai Kewangan Negeri Melaka - Tabung Bencana  
Negeri – akaun Maybank Islamic 554110500466.***

***Sumbangan secara EFT, penyumbang diminta memastikan  
bayaran sumbangan yang dibuat adalah seperti berikut:***

**COVID19/namapenyumbang/nombortelefon.**

**Notifikasi sumbangan juga boleh diemelkan kepada  
sumb\_covid19@melaka.gov.my )**

Saudara dan saudari,

**Bagi inisiatif terakhir iaitu keenam puluh; Penambahan Pusat Pemberian Vaksin (PPV)**

147. Sebagai menyokong kepada usaha-usaha penambahbaikan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) sedia ada, sebanyak 8 buah PPV baharu dibuka bagi mempercepatkan pemberian vaksin kepada rakyat Melaka yang menjadikan keseluruhan jumlah PPV di negeri Melaka adalah sebanyak 14 buah PPV, yang jika dicampur dengan PPV Khas atau SPPV dan PPV *General Practitioner* atau PPVGP, **jumlahnya sebanyak 38 buah.**

148. Peningkatan jumlah PPV ini akan melibatkan anggaran sebanyak 7,800 penerima vaksin setiap hari. Dengan peningkatan tersebut, akan mempercepatkan proses vaksinasi kepada rakyat, agar matlamat imuniti kelompok 80 peratus atau ***herd immunity***, dapat dicapai seawal mungkin.

149. Malah, saya sendiri sudah **mohon kepada MOSTI untuk ditambahkan vaksin kepada Negeri Melaka. Bahkan saya juga sudah bercakap sendiri dengan YB Menteri Kesihatan, supaya disegerakan pemberian vaksin kepada semua rakyat di negeri ini. Kita berharap akan ada berita baik dalam waktu terdekat ini. InsyaAllah.**

Saudara dan saudari,

150. Apapun, saya percaya, seperti disebut dalam mafhum hadis bahawa, **“Allah SWT akan sentiasa menolong hambanya, selagimana ia menolong saudaranya.”**

151. Lantaran itu di sudut antarabangsa, sebagai tanda simpati dan prihatin terhadap nasib yang menimpa rakyat Palestin, Kerajaan Negeri Melaka telah melancarkan Tabung Kemanusiaan Palestin dan kita bersetuju untuk **memberi sumbangan awal berjumlah RM201 ribu**, yang akan disalurkan ke Mercy Malaysia (*Malaysian Medical Relief Society*).

152. Selain itu, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk **menyumbang elaun kehadiran bagi bulan Mei 2021** kepada Tabung Kemanusiaan Palestin Negeri Melaka.

Saudara dan saudari yang saya kasihi,



153. Akhir kalam, semoga Allah SWT memberi kejayaan dan terus merahmati bumi Melaka serta rakyatnya, seraya dilenyapkan wabak COVID-19 ini buat selama-lamanya.
154. Benarlah, **“When the going gets tough, the tough get going”**. Lantas, marilah kita rapatkan saf, kita bersatu hati, sama-sama berganding bahu, seiya dan sekata, dalam mengharungi segala mehnah dan dugaan ini.
155. Kerana itu, di hari penuh barakah, bermula pada hari ini, Kerajaan Negeri Melaka telah mengarahkan agar **dibenarkan solat Jumaat di masjid dan surau terpilih seluruh Melaka, dengan ketetapan bilangan jemaah dari 50 hingga maksimum 100 orang**, tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak JAIM.
156. Kepada Allah kita menadah tangan dan berserah, kepadaNya dipohon pengharapan serta pasrah, kepadaNya jualah kita bertawakal dan mengembalikan segala urusan. ***Wa Ilallahi Turja’ul Umur. Amin Ya Rabbal A’lamin!***

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.